


Perlindungan Undang-Undang Terhadap Tanggungjawab Filial Di Malaysia
Legal Protection of Filial Responsibility in Malaysia

Nur Aisyah Jalalemping , Nur Farahiyah Mohd Nasir
Fakulti Undang-Undang, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Menjelang tahun 2030, Malaysia dijangka menjadi sebuah negara tua apabila lebih 15% penduduknya berusia 60 tahun ke atas. Peningkatan populasi warga emas ini turut disertai dengan laporan pengabaian dan penderaan, sekali gus menimbulkan persoalan tentang keberkesanan perlindungan undang-undang terhadap golongan ini, khususnya berkaitan tanggungjawab anak terhadap ibu bapa. Dalam masyarakat yang berteraskan nilai kekeluargaan, penting untuk menilai sejauh mana konsep tanggungjawab filial diiktiraf dan dilindungi di sisi undang-undang. Kajian ini bertujuan mengenal pasti kedudukan semasa undang-undang berkaitan tanggungjawab anak terhadap ibu bapa di Malaysia, menilai keperluan penggubalan undang-undang filial, serta mencadangkan model perundangan yang sesuai. Pendekatan kualitatif digunakan melalui kajian kepustakaan dan analisis dokumen, disertai kajian perbandingan dengan negara seperti Singapura dan India yang telah menggubal undang-undang filial. Hasil kajian mendapatidari segi perundangan sivil, Malaysia masih belum mempunyai peruntukan khusus secara eksplisit berkaitan tanggungjawab filial. Perbandingan menunjukkan bahawa undang-undang filial berupaya menangani isu pengabaian warga emas dengan mewajibkan anak-anak memberi nafkah dan perlindungan kepada ibu bapa. Oleh itu, wujud keperluan mendesak untuk mewujudkan kerangka perundangan khusus bagi tujuan ini. Secara keseluruhannya, kajian ini menegaskan bahawa penggubalan undang-undang filial adalah wajar dan perlu diberi keutamaan demi memastikan hak serta kebajikan ibu bapa tua di Malaysia terpelihara secara berkesan.

KATA KUNCI

Tanggungjawab filial; warga emas; pengabaian ibubapa; perlindungan undang-undang; undang-undang keluarga Malaysia

ABSTRACT

By the year 2030, Malaysia will be an ageing population with over 15% of its population being 60 years old and above. The ageing population is reflected by increasing cases of abuse and neglect that have also brought into serious consideration the issue of the adequacy of legal protection for this population, most particularly on the duty of children towards their ageing parents. In a family-oriented society, one must consider how the notion of filial duty is legalized and safeguarded under law. This research would seek to settle the existing legal position in Malaysia on children's duties toward their parents, assess whether filial responsibility law is needed, and suggest an appropriate legal framework. A qualitative method was utilized by means of library research and document study combined with comparative studies of countries such as Singapore and India, which implemented filial responsibility law. Results indicate that Malaysia currently lacks firm legal provisions pertaining to filial responsibility. Comparative analysis suggests that filial legislation helps to ensure that the rights and well-being of elderly parents in Malaysia are effectively protected.

KEYWORDS

Filial responsibility; elderly; parental neglect; legal protection; Malaysian family law.

Article History

Received: October 15, 2025
Revised: April 10, 2026
Accepted: June 3, 2026
Published: June 15, 2026

 **Contact**

Nur Aisyah Jalalemping
(Corresponding Author)
a195803@siswa.ukm.edu.my

Citation

Nur Aisyah Jalalemping & Nur Farahiyah Mohd Nasir. 2026. Perlindungan Undang-Undang Terhadap Tanggungjawab Filial Di Malaysia. *Journal of Contemporary Islamic Law*. 11(1): 11-22.

Copyright

© 2026 by the author(s)



This work is licensed under a Creative Commons Attribution-Non-Commercial 4.0 International License. (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>)

PENGENALAN

Tanggungjawab filial ialah konsep yang merujuk kepada kewajipan anak-anak terhadap ibu bapa mereka, khususnya apabila ibu bapa telah lanjut usia dan berada dalam keadaan tahap kebergantungan yang tinggi terhadap insan lain. Ia merupakan nilai yang berakar dalam banyak sistem budaya dan agama di seluruh dunia, termasuk dalam masyarakat Asia yang mementingkan ikatan kekeluargaan dan prinsip timbal balik antara generasi. Konsep timbal balik ini juga boleh merujuk kepada konsep "kenang budi" dalam kalangan masyarakat Melayu di Malaysia yang merujuk kepada idea bahawa anak-anak sepatutnya menghargai jasa ibu bapa mereka dan bertanggungjawab untuk menjaga serta menyara mereka (Nik Norliati Fitri Md Nor, & Suriati Ghazali, 2022). Dalam budaya Timur, termasuk budaya Melayu, tanggungjawab ini dianggap sebagai satu bentuk balas budi terhadap jasa dan pengorbanan ibu bapa. Konsep ini bukan hanya terhad kepada rasa hormat dan kasih sayang, tetapi merangkumi tanggungjawab yang nyata seperti memberikan penjagaan, sokongan emosi, dan bantuan kewangan secara berterusan (Dai & Dimond, 1998)

Tujuan utama tanggungjawab filial ialah untuk memastikan kesejahteraan warga emas tidak terabai apabila mereka tidak lagi mampu menyara diri atau mengalami kelemahan fizikal. Ia juga bertujuan mengekalkan kestabilan institusi keluarga sebagai unit asas dalam masyarakat dan mengurangkan kebergantungan terhadap bantuan luar seperti institusi kebajikan atau penjagaan awam. Selain itu, konsep ini berfungsi sebagai asas moral yang memperkukuh interaksi antara generasi dan memperkuat solidariti sosial dalam sesebuah komuniti.

Dalam pelaksanaannya, tanggungjawab filial boleh diperincikan kepada tiga bentuk utama yang saling melengkapi. Pertama adalah penjagaan fizikal dan emosi, yang melibatkan penyediaan tempat tinggal, pemantauan kesihatan, serta kehadiran secara fizikal dan psikologi dalam kehidupan harian ibu bapa. Ia merangkumi tindakan seperti menemani ke hospital, menyediakan makanan, mendengar luahan emosi, dan membina hubungan yang bermakna. Kajian menunjukkan bahawa interaksi sosial yang konsisten memainkan peranan penting dalam mencegah kemurungan dan kesunyian dalam kalangan warga emas (Bedford & Yeh, 2021).

Bentuk kedua adalah sokongan kewangan, iaitu tanggungjawab untuk membantu menampung kos sara hidup ibu bapa seperti perbelanjaan perubatan, bil harian, dan keperluan asas. Dalam masyarakat moden yang semakin menuntut kecekapan ekonomi, bentuk sokongan ini menjadi semakin penting, lebih-lebih lagi apabila ibu bapa telah bersara dan tidak lagi mempunyai sumber pendapatan tetap. Sokongan ini dianggap sebagai salah satu elemen utama dalam hak ibu bapa untuk menerima nafkah (*right to maintenance*) (Rozario & Hong, 2011).

Ketiga, tanggungjawab filial turut merangkumi bantuan tidak langsung atau *care in kind*, yang melibatkan pelaksanaan tugas harian seperti membersihkan rumah, membeli barang keperluan, mengurus jadual ubat-ubatan atau membantu dalam tugas rutin. Walaupun tidak melibatkan kewangan secara langsung, bentuk penjagaan ini membuktikan komitmen anak-anak dalam memastikan kesejahteraan dan hak ibu bapa terus terpelihara. Tribunal khas bagi tuntutan nafkah turut mempertimbangkan bentuk sokongan tidak langsung ini dalam membuat keputusan tuntutan seperti di Singapura. (Rozario, 2011).

Walaupun tanggungjawab filial umumnya bersifat moral dan sukarela dalam konteks Malaysia, pelaksanaannya semakin mencabar disebabkan perubahan struktur keluarga, penghijrahan ke bandar atas tuntutan kerja, serta peningkatan kos sara hidup. Dalam perkembangan yang sama, perubahan struktur keluarga dan penghijrahan keluar anak-anak dewasa turut memberi kesan terhadap jangkauan budaya warga emas terhadap penjagaan. Ramai dalam kalangan mereka yang "ditinggalkan" berdepan dengan kesan negatif terhadap kesihatan dan kesejahteraan fizikal serta emosi. Tambahan pula, peningkatan usia penduduk menjadikan isu penjagaan warga emas semakin relevan dan mendesak, lalu menimbulkan persoalan sama ada tanggungjawab filial ini wajar ditransformasikan daripada satu kewajipan moral kepada suatu kewajipan yang diiktiraf dan dilindungi oleh undang-undang (Jahangir & Patil, 2025).

Oleh itu, tanggungjawab filial harus difahami bukan sekadar sebagai idealisme budaya, tetapi sebagai keperluan sosial yang menuntut komitmen jangka panjang. Dalam membina masyarakat yang inklusif dan berperikemanusiaan, pengukuhan nilai filial menjadi asas kepada pembangunan dasar sosial yang mampan dan adil untuk semua peringkat umur.

KAJIAN LEPAS

Populasi warga emas semakin meningkat secara relatif di negara-negara maju mahupun negara membangun. Situasi ini menimbulkan persoalan penting: siapakah yang sepatutnya memikul tanggungjawab utama dalam menjaga golongan ini? Sejak tahun 1970-an, banyak dasar kesihatan dan dasar sosial menekankan peranan institusi keluarga sebagai unit terpenting dalam menyediakan keperluan, sokongan, dan penjagaan kepada warga emas (Heaton, 1999). Dasar-dasar ini bertujuan menangani tanggapan bahawa warga emas akan ditinggalkan atau diabaikan, sambil menegaskan kembali kepentingan keluarga sebagai benteng perlindungan terakhir (Sarvarubini Nainee, & Tan, Soon Aun, 2016).

Dalam konteks keluarga dan peranan anak terhadap ibu bapa yang telah tua, muncul konsep "*filial piety*" iaitu ketaatan anak kepada ibu bapa. Konsep ini berasal dari Konfusianisme, yang menekankan nilai moral dan sosial bahawa anak-anak harus menghormati serta menjaga ibu bapa. Menurut *Two-Factor Model of Filial Piety* oleh Hwang (2002), terdapat dua dimensi utama:

- 1) *Reciprocal filial piety*: ketaatan berdasarkan kasih sayang dan hubungan positif antara anak dan ibu bapa;
- 2) *Authoritarian filial piety*: ketaatan berdasarkan kepatuhan terhadap kewajipan sosial, yang mana kadangkala berlaku dengan mengorbankan kepentingan diri sendiri.

Nilai ini dalam budaya Melayu wujud dalam bentuk ketaatan kepada ibu bapa (Tan et al., 2019), yang membawa maksud kesetiaan dan penghormatan mendalam. Kajian menunjukkan bahawa nilai ini diinternalisasi melalui ibu bapa, ahli keluarga, media, dan institusi pendidikan.

Cicirelli (1988, 1990) menjelaskan bahawa tanggungjawab filial dari sudut sosiologi ialah jangkauan sosial bahawa anak-anak harus membantu ibu bapa tua yang dalam kesusahan. Namun, mengikut teori *cognitive dissonance*, pelbagai cabaran hidup boleh menyebabkan jurang antara nilai ideal dan kemampuan sebenar anak-anak untuk memenuhi tanggungjawab tersebut (Finley et al., 1988).

Oleh itu, walaupun nilai tanggungjawab filial diterima secara budaya dan agama dalam masyarakat Malaysia, tiada undang-undang khusus di Malaysia yang mewajibkan anak-anak

menjaga ibu bapa mereka secara sah. Ini berbeza dengan negara-negara seperti Singapura, China, atau India yang telah memperkenalkan undang-undang tanggungjawab filial untuk melindungi kebajikan warga emas secara lebih tegas.

Anak-anak seharusnya memikul tanggungjawab moral dan sosial untuk menjaga ibu bapa mereka yang sudah lanjut usia terutamanya dalam sebuah masyarakat yang berpegang teguh kepada nilai budaya dan agama. Penjagaan terhadap warga emas terutama ibu bapa, bukan sahaja merupakan kewajipan moral, tetapi turut perlu dilindungi dan diperkukuh melalui kerangka perundangan yang jelas. Oleh itu, undang-undang berfungsi sebagai pelengkap kepada norma budaya, bagi memastikan golongan warga emas tidak diabaikan atau dibiarkan hidup dalam keadaan daif.

Namun begitu, realiti di Malaysia menunjukkan bahawa pengabaian terhadap ibu bapa tua semakin menjadi fenomena yang membimbangkan. Kes warga emas yang hidup dalam keadaan serba kekurangan, ditinggalkan tanpa sokongan, dan malah menjadi gelandangan semakin ketara (Siti Aisyah Samudin, 2024). Laporan pada Januari 2024 yang dikeluarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mencatatkan peningkatan sebanyak 20% kes penderaan dan pengabaian ibu bapa oleh ahli keluarga sendiri. Malaysia kini sedang berhadapan dengan proses penuaan populasi yang pesat, menjelang tahun 2030, dianggarkan 5.8 juta daripada 38.1 juta penduduk Malaysia akan terdiri daripada warga emas (Mohd Fudzail Mohd Nor, 2025). Malangnya, meskipun terdapat tekanan budaya dan agama yang kuat, masih tiada peruntukan undang-undang khusus di Malaysia dari segi perundangan sivil yang mewajibkan anak-anak untuk menyara atau menjaga ibu bapa yang telah tua. Ini menjadikan tanggungjawab filial hanya terletak atas dasar moral semata-mata, bukan kewajipan undang-undang.

Ketiadaan rangka undang-undang yang khusus dan berkuasa untuk menguatkuasakan tanggungjawab anak terhadap ibu bapa menyebabkan berlaku jurang perlindungan terhadap hak dan kebajikan warga emas. Wujud risiko warga emas dibiarkan tanpa penjagaan, mengalami penderaan, diabaikan secara fizikal dan emosi, serta tidak mendapat keperluan asas untuk kelangsungan hidup. Isu ini bukan hanya membabitkan krisis sosial, tetapi turut mencerminkan kelemahan sistem perundangan dalam menjamin keadilan sosial kepada generasi tua.

Kajian ini bertujuan untuk meneliti kedudukan semasa undang-undang berkaitan tanggungjawab filial di Malaysia serta menilai sama ada perlunya satu bentuk perundangan baharu yang menginstitusikan tanggungjawab anak terhadap ibu bapa tua. Kajian ini juga akan membandingkan pendekatan undang-undang dari negara-negara lain seperti Singapura dan India yang telah menggubal undang-undang tanggungjawab filial, bagi mencadangkan satu model perundangan yang bersesuaian dengan konteks sosial dan budaya Malaysia. Dengan ini, diharapkan kajian ini dapat menyumbang ke arah perbincangan dasar dan reformasi undang-undang demi perlindungan lebih menyeluruh terhadap warga emas di Malaysia.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini akan menggunakan pendekatan kualitatif serta gabungan analisis dokumen dan kajian kes. Sumber rujukan primer dalam kajian ini adalah statut-statut dan kes-kes berkaitan dengan tanggungjawab filial. Sumber rujukan sekunder pula adalah buku-buku ilmiah, artikel jurnal serta tesis dalam bidang yang berkaitan yang ditulis oleh para sarjana.

Teknik pengumpulan data melalui kajian kepustakaan digunakan untuk mencapai objektif kajian. Kajian kepustakaan dilakukan dengan meneliti statut, kes, jurnal, artikel dan buku. Melalui pembacaan umum, ada beberapa jurnal sahaja diterbitkan di Malaysia yang menyentuh isu tanggungjawab filial di Malaysia. Oleh itu, jurnal dan artikel dari luar negara akan dirujuk dalam kajian ini. Selain merujuk secara fizikal di Perpustakaan Undang-undang UKM dan Perpustakaan Tun Sri Lanang (PTSL), rujukan juga dibuat secara atas talian melalui pangkalan data yang disediakan oleh portal e-journal PTSL seperti Lexis Nexis dan HeinOnline.

Maklumat yang diperolehi dari kajian kepustakaan akan dianalisa menggunakan pendekatan perbandingan dan pendekatan analisis kritis. Pendekatan perbandingan dibuat ke atas peruntukkan khusus yang sedia ada dalam perundangan sivil berkaitan dengan tanggungjawab filial secara eksplisit di Malaysia dan negara-negara yang sudah membuat undang-undang filial seperti Singapura dan India. Data-data juga dianalisis dengan pendekatan analisis kritis untuk menilai sesuatu kes, prinsip, peraturan atau institusi undang-undang. Dengan cara ini, pengkaji dapat menganalisis setiap elemen dalam statut dengan mendalam,

memahami masalah yang timbul dan memberi cadangan penambahbaikan.

DAPATAN

Realiti Tanggungjawab Filial Di Malaysia

Malaysia adalah sebuah negara yang berpaksi teguh kepada nilai kekeluargaan dan ajaran agama yang menekankan penghormatan serta tanggungjawab terhadap ibu bapa. Dalam budaya Melayu-Islam, misalnya, anak-anak diajar sejak kecil bahawa berbakti kepada kedua ibu bapa merupakan satu kewajipan moral dan agama. Namun begitu, apabila nilai budaya ini tidak disokong dengan kerangka perundangan yang jelas dan berkuasa, maka pelaksanaan tanggungjawab filial hanya bergantung pada rasa tanggungjawab individu, bukan tuntutan undang-undang yang boleh dikuatkuasakan. Perkara ini menimbulkan jurang antara norma budaya dan keperluan sosial sebenar dalam masyarakat kini. Realitinya, sebahagian besar warga emas di Malaysia masih memerlukan sokongan daripada anak-anak mereka, sama ada dalam bentuk kewangan, penjagaan harian, atau sokongan emosi.

Survei Malaysian Population and Family Survey ke-5 (MPFSD-5) oleh LPPKN pada tahun 2014 menunjukkan bahawa 95.3% warga emas menerima sekurang-kurangnya satu bentuk sokongan keluarga. Ini membuktikan bahawa nilai filial masih hidup dalam kalangan masyarakat Malaysia. Tambahan pula, kajian oleh UNDP Accelator Lab pada tahun 2024 mendapati bahawa 68% anak muda berhasrat untuk menjaga ibu bapa mereka secara langsung apabila mereka tua kelak. Keputusan ini memberi gambaran bahawa niat dan komitmen moral dalam kalangan generasi muda masih tinggi.

Namun begitu, data ini perlu dinilai secara kritikal. Hasrat semata-mata tidak mencerminkan bahawa pelaksanaan tanggungjawab filial akan berlaku secara menyeluruh atau konsisten. Kajian yang sama juga melaporkan bahawa majoriti anak muda berhadapan dengan cabaran kewangan dan masa iaitu dua faktor penting yang boleh menggagalkan niat mereka untuk menjaga ibu bapa. Dalam ekonomi moden yang menuntut produktiviti tinggi dan masa kerja yang panjang, ramai anak-anak berdepan dilema antara memenuhi keperluan ekonomi keluarga sendiri atau menjaga ibu bapa yang lanjut usia. Keadaan ini boleh menyebabkan tanggungjawab filial hanya dilaksanakan secara minimum, atau lebih

buruk, diabaikan sepenuhnya (Chong & Chai, 2017; Wong et al., 2017).

Tambahan pula, The Sun Malaysia pada 1 Oktober 2021 menyebut bahawa 1 daripada 3 warga emas di Malaysia tidak menerima bantuan kewangan langsung daripada anak-anak mereka, menandakan jurang yang jelas antara hasrat dan realiti. Satu lagi data penting adalah dari kajian Pendapatan dan Perbelanjaan Isi Rumah 2019 melibatkan 5,197 warga emas yang dijalankan oleh Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing), Universiti Putra Malaysia (UPM) menunjukkan bahawa 31.2 % warga emas tergolong dalam keluarga berpendapatan miskin (\leq RM 2,589 sebulan). Keadaan ini diperburuk apabila mereka tidak mendapat sokongan keluarga atau nafkah anak-anak.

Ini adalah angka yang membimbangkan, dan secara langsung menimbulkan persoalan sama ada undang-undang sewajarnya boleh memainkan peranan pelengkap terhadap kelemahan pelaksanaan tanggungjawab filial berdasarkan budaya semata-mata. Tanpa peruntukan undang-undang yang mewajibkan anak-anak untuk menjaga atau menyara ibu bapa mereka, warga emas hanya bergantung kepada ihsan keluarga atau bantuan kebajikan kerajaan, yang sering kali tidak mencukupi.

Kedudukan Semasa Perundangan Berkaitan Tanggungjawab Anak Terhadap Ibu Bapa Tua Di Malaysia

Menyentuh persoalan tentang kedudukan semasa perundangan berkaitan tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa tua di Malaysia, realitinya, tiada satu pun undang-undang bertulis yang secara jelas dan menyeluruh mewajibkan anak-anak dewasa untuk memelihara, menanggung, atau menjaga ibu bapa mereka sebagai suatu obligasi undang-undang yang seragam dan boleh dikuatkuasakan. Dalam erti kata lain, Malaysia masih belum mempunyai satu kerangka perundangan persekutuan yang secara nyata memperuntukkan tanggungjawab filial sebagai satu kewajipan sah di sisi undang-undang.

Sistem perundangan Malaysia yang bersifat dualistik yang mana terbahagi antara undang-undang sivil dan syariah sekaligus menyebabkan tanggungjawab filial ini lebih banyak bergantung kepada nilai budaya, norma sosial, serta ajaran agama, khususnya bagi masyarakat Muslim yang tertakluk kepada perundangan Syariah dalam hal ehwal keluarga. Bagi masyarakat bukan Islam, tanggungjawab ini

tidak diiktiraf secara langsung melalui mana-mana akta sedia ada. Oleh itu, kebergantungan terhadap kepercayaan tradisional dan moral kekeluargaan menjadi faktor utama dalam memastikan kebajikan ibu bapa, khususnya yang telah lanjut usia terjamin.

Dari sudut agama Islam yang menjadi pegangan majoriti rakyat Malaysia, tanggungjawab terhadap ibu bapa merupakan tuntutan agama yang jelas. Al-Quran secara berulang kali menyeru umat Islam supaya berbuat baik kepada kedua ibu bapa. Antaranya termasuk dalam Surah Al-An'aam ayat 151 :

وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا

Dan hendaklah (kamu) membuat baik kepada ibu bapa

Surah Luqman ayat 14 :

وَوَصَّيْنَا الْإِنْسَانَ بِوَالِدَيْهِ حَمَلَتْهُ أُمُّهُ وَهْنًا عَلَىٰ وَهْنٍ وَفِصْلًا فِي عَمَاقِ الْأَنْعَامِ أَنْ اشْكُرْ لِي وَلِوَالِدَيْكَ إِلَىٰ الْمَصِيرِ

Dan Kami wajibkan manusia berbuat baik kepada kedua ibu bapanya; ibunya telah mengandungnya dengan menanggung kelemahan demi kelemahan (dari awal mengandung hingga akhir menyusunya), dan tempoh menceraikan susunya ialah dalam masa dua tahun; (dengan yang demikian) bersyukurlah kepadaKu dan kepada kedua ibu bapamu; dan (ingatlah), kepada Akulah jua tempat kembali (untuk menerima balasan).

Surah Al-Isra' ayat 23 :

وَقَضَىٰ رَبُّكَ أَلَّا تَعْبُدُوا إِلَّا إِيَّاهُ وَبِالْوَالِدَيْنِ إِحْسَانًا ۚ إِنَّمَا بَيْنَعْنُ عِنْدَكَ الْكَبِيرَ أَحَدُهُمَا أَوْ كِلَاهُمَا فَلَا تَقُلْ لَهُمَا أُفٍّ وَلَا تَنْهَرهُمَا وَقُلْ لَهُمَا قَوْلًا كَرِيمًا

Dan Tuhanmu telah perintahkan, supaya engkau tidak menyembah melainkan kepadaNya semata-mata, dan hendaklah engkau berbuat baik kepada ibu bapa. Jika salah seorang dari keduanya, atau kedua-duanya sekali, sampai kepada umur tua dalam jagaan dan peliharaanmu, maka janganlah engkau berkata kepada mereka (sebarang perkataan kasar) sekalipun perkataan "Ha", dan janganlah engkau menengking menyergah mereka, tetapi katakanlah kepada mereka perkataan yang mulia (yang bersopan santun).

Terdapat juga hadis yang membincangkan tanggungjawab ini iaitu :

أَبْدَأُ بِنَفْسِكَ فَتَصَدَّقْ عَلَيْهَا، فَإِنْ فَضَلَ شَيْءٌ فَلَأَهْلِكَ، فَإِنْ فَضَلَ عَنْ أَهْلِكَ شَيْءٌ فَلِذِي قَرَابَتِكَ، فَإِنْ فَضَلَ عَنْ ذِي قَرَابَتِكَ شَيْءٌ فَهَكَذَا وَهَكَذَا

Maksudnya: "Mulakan nafkah dengan dirimu. Jika berbaki, berikanlah kepada ahli keluargamu. Jika masih berbaki, berikanlah kepada saudara-maramu yang terdekat dan jika masih berbaki lagi, berikanlah kepada mereka dan seterusnya." Riwayat al-Bukhari (6763) dan Muslim (997).

Ajaran ini bukan sahaja menjadi panduan moral tetapi turut diiktiraf dalam keputusan Mahkamah Syariah. Dalam kes *Khalil Ahmad v Kamal Khalif [2004] CLJ 451*, Mahkamah Tinggi Syariah Seremban telah memutuskan bahawa adalah menjadi kewajipan anak lelaki (defendan) untuk membayar nafkah kepada bapanya (plaintiff), dengan mengambil kira kemampuan kewangan defendan dan keperluan plaintiff. Mahkamah dalam penghakiman tersebut menekankan bahawa menanggung ibu bapa adalah wajib sekiranya seseorang anak itu mempunyai lebih pendapatan setelah memenuhi tanggungan utamanya. Mahkamah memerintahkan defendan membayar RM200 sebulan kepada bapanya. Keputusan ini menjadi contoh bagaimana undang-undang Syariah mengiktiraf dan menguatkuasakan tanggungjawab filial, walaupun hanya terhad kepada masyarakat Islam.

Undang-undang bertulis berkaitan perkara ini terkandung dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri. Sebagai contoh, Seksyen 61 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003 begitu juga dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kelantan) 2002 yang mana memberikan kuasa kepada Mahkamah Syariah untuk memerintahkan mana-mana individu memberi nafkah kepada pihak lain yang tidak berkemampuan, termasuk ibu bapa, selagi ia bertepatan dengan kehendak hukum syarak. Dalam pelaksanaan peruntukan ini, Mahkamah juga boleh memerintahkan nafkah dibayar mengikut turutan *العصبة* (asobah) dalam sistem faraid dan jika waris lelaki tidak mampu, maka tanggungjawab tersebut boleh dipindahkan kepada Baitulmal.

Selain itu, dalam kes *Kassim Bin Othman & Anor v Raja Suzana Binti Raja Kassim & Anor [2010] 30 JH 299*, Mahkamah Syariah turut membenarkan ibu bapa menuntut nafkah sepanjang hayat daripada anak mereka. Mahkamah telah mengarahkan anak perempuan berkenaan membayar RM250 sebulan kepada setiap ibu bapanya sehingga mereka meninggal dunia. Keputusan ini membuktikan bahawa walaupun tradisinya nafkah dianggap tanggungjawab anak lelaki, Mahkamah turut mengiktiraf keupayaan anak perempuan untuk

menunaikan kewajipan filial dalam konteks memberi nafkah, sekiranya berkemampuan.

Namun demikian, tanggungjawab ini tidak dilindungi oleh undang-undang sivil atau persekutuan dan hanya terpakai dalam konteks masyarakat Islam. Tiada sebarang Akta Parlimen yang memberikan hak kepada ibu bapa terutama mereka yang bukan beragama Islam untuk menuntut nafkah daripada anak-anak mereka.

Contohnya, Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976 hanya menyentuh soal nafkah antara pasangan suami isteri serta antara ibu bapa terhadap anak-anak, tetapi senyap mengenai tanggungjawab anak-anak terhadap ibu bapa mereka. Nafkah hanya boleh dituntut sebagai relief sampingan dalam kes-kes perceraian atau perkahwinan melalui Seksyen 93(1), dan ia tidak merangkumi permohonan nafkah oleh ibu bapa terhadap anak-anak dewasa.

Begitu juga dengan Akta Perempuan Bersuami Dan Anak-Anak (Nafkah) Akta 1970, yang memberikan peruntukan hanya untuk isteri dan anak-anak menuntut nafkah daripada suami atau bapa, tetapi tiada peruntukan sebaliknya untuk ibu bapa yang memerlukan. Justeru, untuk golongan bukan Islam, walaupun nilai budaya dan agama mereka turut menggalakkan penghormatan serta tanggungjawab terhadap ibu bapa, ketiadaan dari sudut perundangan bermakna ibu bapa tidak mempunyai saluran undang-undang yang sah untuk menuntut hak penjagaan atau nafkah daripada anak-anak mereka. Ini mencerminkan satu jurang perundangan (*legal gap*) serta *lacuna* yang perlu diberi perhatian, terutamanya dalam konteks negara yang semakin menua dan mengalami perubahan struktur keluarga moden.

Kesimpulannya, kedudukan semasa perundangan Malaysia masih meletakkan tanggungjawab filial sebagai satu kewajipan moral dan agama, khususnya bagi masyarakat Islam melalui Mahkamah Syariah. Walau bagaimanapun, tiada peruntukan undang-undang sivil yang universal yang menetapkan tanggungjawab ini sebagai suatu kewajipan undang-undang yang terpakai kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira agama. Ketidaksamaan dari sudut bidang kuasa dan kekurangan di peringkat persekutuan menimbulkan keperluan untuk menggubal satu kerangka perundangan yang lebih inklusif dan menyeluruh dalam menjamin kebajikan warga emas di bawah tanggungjawab anak-anak mereka.

Kedudukan Semasa Perundangan Berkaitan Tanggungjawab Filial Di Singapura

Singapura merupakan antara negara terawal di Asia yang memperkenalkan undang-undang khusus bagi menangani isu tanggungjawab anak dewasa terhadap ibu bapa tua. Usaha ini diterjemahkan melalui penggubalan Maintenance of Parents Act 1995 yang mula berkuat kuasa pada 1 Jun 1996. Akta ini memperuntukkan bahawa ibu bapa yang berumur 60 tahun ke atas, dan tidak berupaya menyara kehidupan sendiri, boleh memfailkan permohonan untuk mendapatkan nafkah daripada anak-anak dewasa mereka yang berkemampuan. Tuntutan boleh dibuat sama ada dalam bentuk bayaran bulanan atau bayaran sekaligus, bergantung kepada keperluan pemohon dan kemampuan responden. Di bawah Akta ini, sebuah tribunal khas dikenali sebagai *Tribunal for the Maintenance of Parents* telah ditubuhkan untuk mendengar dan memutuskan permohonan tersebut. Prosedur pemfailan kes bermula dengan permohonan kepada Pesuruhjaya Penyelenggaraan Ibu Bapa, diikuti dengan sesi rundingan wajib (*mandatory conciliation*). Sekiranya rundingan gagal, kes akan dibawa ke Tribunal untuk perbicaraan formal. Keputusan Tribunal mempunyai kuasa undang-undang yang sah dan boleh dikuatkuasakan.

Kes *AR v. JT & 6 others [1997] SGMP (Tribunal for the Maintenance of Parents)*. membuktikan keberkesanan tribunal dalam menguatkuasakan perintah terhadap lebih daripada satu anak dewasa. Ibu bapa memfailkan tuntutan terhadap tujuh orang anak mereka dalam kes ini, dan Tribunal memutuskan bahawa kesemua anak tersebut wajib menyumbang kepada nafkah ibu bapa mereka. Kes ini dianggap penting kerana ia memperlihatkan bahawa undang-undang bagi tanggungjawab filial di Singapura ini tidak hanya menjadi simbolik, tetapi berfungsi secara praktikal dalam memberikan keadilan kepada ibu bapa warga emas.

Namun begitu, kelayakan untuk mendapatkan nafkah bagi ibu bapa tidak bersifat automatik hanya kerana seseorang itu sudah berusia. Kes *KLH KLH v KSW & 4 Others (12 September 1996) Tribunal for the Maintenance of Parents*, seorang bapa berusia 79 tahun yang tinggal di flat HDB satu bilik telah memohon nafkah daripada anak-anaknya. Tribunal bagaimanapun menolak permohonannya atas alasan bahawa beliau masih mampu menyara diri melalui pekerjaannya sebagai penjaga stesen

minyak dan petugas tempat letak kereta. Keputusan ini menunjukkan bahawa meskipun taraf hidup pemohon sangat minimum, Tribunal tetap mensyaratkan bahawa ketidakmampuan menyara diri secara mutlak perlu dibuktikan sebelum sesuatu perintah boleh dikeluarkan.

Selain tindakan langsung yang dibawa oleh ibu bapa sendiri ke Tribunal, Akta ini turut membenarkan dua jenis tindakan lain. Pertama ialah tindakan tidak langsung oleh pihak ketiga, seperti rumah penjagaan atau hospital, yang boleh menuntut bayaran balik daripada anak-anak kepada ibu bapa atas perbelanjaan yang telah ditanggung. Namun, tuntutan sebegini hanya boleh dibawa oleh pihak atau organisasi yang telah mendapat kelulusan Menteri, dan segala bayaran akan disalurkan terus ke akaun khas atas nama ibu bapa berkenaan. Kedua, anak-anak yang telah memberikan sokongan sebelum tuntutan difailkan juga boleh menggunakan fakta tersebut sebagai pembelaan. Ini termasuklah bantuan kewangan secara langsung mahupun sokongan dalam bentuk bukan kewangan (*care in kind*), seperti tempat tinggal dan penjagaan.

Contohnya dalam kes *TKH v LAC, LHS, LAK dan LTS (Tribunal for the Maintenance of Parents, 31 July, 1997)*, Tribunal memerintahkan supaya empat orang anak pemohon menyediakan tempat tinggal dan makan minum (board and lodging) kepada ibu mereka secara giliran setiap bulan, berdasarkan persetujuan antara mereka. Ini menunjukkan bahawa Tribunal turut mengambil pendekatan praktikal dan fleksibel, menyesuaikan bentuk perintah dengan keadaan hubungan keluarga dan bentuk bantuan yang telah sedia diberikan.

Perkembangan undang-undang ini turut menyaksikan beberapa pindaan penting. Pada tahun 2010, proses rundingan dijadikan wajib, dan hasilnya menunjukkan bahawa lebih 90% kes berjaya diselesaikan tanpa melalui perbicaraan penuh. Pindaan terbaharu pada tahun 2023, yang akan berkuat kuasa pada Julai 2024, memperkenalkan pengecualian tanggungjawab filial kepada anak-anak yang pernah didera atau diabaikan oleh ibu bapa mereka, sejajar dengan prinsip timbal balik dalam hubungan kekeluargaan (Lim, 2023)

Secara keseluruhannya, pendekatan yang diambil oleh Singapura menunjukkan bahawa tanggungjawab filial tidak lagi hanya menjadi norma budaya atau kewajipan moral semata-mata, tetapi mampu dan wajar diinstitusikan dalam bentuk undang-undang yang boleh dikuatkuasakan. *Tribunal for the Maintenance of Parents* bukan sahaja memberikan akses kepada

keadilan bagi golongan warga emas, malah turut menjadi mekanisme pendidikan kepada masyarakat bahawa tanggungjawab terhadap ibu bapa tua adalah kewajipan sosial yang tidak boleh diabaikan.

Kedudukan Semasa Perundangan Berkaitan Tanggungjawab Filial Di India

India merupakan sebuah lagi negara yang melaksanakan undang-undang khusus bagi melindungi tanggungjawab filial anak terhadap ibu bapa. Dua instrumen utama yang menjadi teras kepada perlindungan undang-undang terhadap ibu bapa di India ialah seksyen 125 Kanun Tatacara Jenayah (*Criminal Procedure Code 1973*) dan *The Maintenance and Welfare of Parents and Senior Citizens Act 2007* (MWPC Act 2007). Melalui gabungan kedua-dua undang-undang ini, India menunjukkan komitmen serius terhadap kebajikan golongan tua dalam institusi kekeluargaan.

Seksyen 125(1)(d) CrPC memperuntukkan bahawa mana-mana anak yang mempunyai kemampuan kewangan tetapi enggan menyara ibu atau bapa yang tidak mampu, boleh dikenakan perintah mahkamah untuk membayar nafkah bulanan. Undang-undang ini bersifat sekular dan tidak terikat kepada mana-mana agama, justeru ia terpakai kepada semua warganegara tanpa pengecualian. Mahkamah Agung India dalam kes *Dr. Mrs. Vijaya Manohar Arbat v. Kashirao Rajaram Sawai & Another* [AIR 1987 SC 1100] menegaskan bahawa seorang bapa berhak menuntut nafkah daripada anak perempuannya yang sudah berkahwin, asalkan anak tersebut mempunyai kemampuan kewangan. Keputusan ini memperluaskan tanggungjawab filial kepada kedua-dua jantina dan menunjukkan bahawa perkahwinan bukan alasan yang membatalkan kewajipan anak terhadap ibu bapa.

Tambahan pula, perundangan India tidak hanya bergantung kepada Kanun Tatacara Jenayah semata-mata. Sejak tahun 2007, Akta Penyelenggaraan dan Kebajikan Ibu Bapa dan Warga Emas 2007 (*Maintenance and Welfare of Parents and Senior Citizens Act, 2007*, atau "Akta Penyelenggaraan") telah dikuatkuasakan bagi menyediakan peruntukan yang lebih berkesan terhadap tanggungjawab anak-anak dalam menjaga kebajikan ibu bapa serta warga emas, seperti yang dijamin dan diiktiraf oleh Perlembagaan Republik India. Akta ini bukan sahaja terpakai di India, tetapi turut meliputi rakyat India yang menetap di luar negara.

Akta ini memberi hak kepada ibu bapa untuk menuntut pelaksanaan tanggungjawab filial daripada anak-anak sekiranya mereka tidak mampu menyara diri melalui pendapatan atau harta sendiri. Permohonan untuk menuntut tanggungjawab filial ini hendaklah dikemukakan kepada satu tribunal khas yang dikenali sebagai Tribunal Penyelenggaraan (*Maintenance Tribunal*), yang bertindak mengikut prosedur yang ditetapkan dalam Seksyen 8 Akta tersebut. Tribunal ini akan menilai semua bukti yang berkaitan dengan kehadiran anak-anak atau saudara yang terlibat sebelum membuat keputusan terhadap tuntutan tersebut.

Sekiranya tuntutan terhadap tanggungjawab filial ini dibenarkan, tribunal boleh memerintahkan agar anak-anak menunaikan kewajipan mereka dalam bentuk bayaran bulanan kepada ibu bapa pada kadar yang ditetapkan, tertakluk kepada had maksimum sebanyak Rs10,000 sebulan. Pendekatan ini bukan sekadar menyentuh aspek kewangan, tetapi menekankan peranan anak sebagai penjaga dan penyumbang utama kepada kesejahteraan ibu bapa, selari dengan nilai kekeluargaan yang menekankan rasa hormat dan tanggungjawab terhadap generasi terdahulu (Issac, T. G. et al., 2021).

Dalam kes *Rajesh Kumar Srivastava v State of UP & Others* [2017 SCC 479], seorang warga emas memfailkan aduan terhadap anak lelakinya yang enggan memberi nafkah dan menyatakan bahawa dia tidak mampu menanggung bapanya. Namun Mahkamah Tinggi Allahabad memutuskan bahawa anak tetap bertanggungjawab menyara ibu bapanya walaupun dalam keadaan ekonomi yang mencabar. Tribunal Penyelenggaraan seterusnya mengarahkan anak tersebut membayar nafkah bulanan tetap kepada bapanya. Kes ini jelas menunjukkan bahawa mahkamah di India menekankan prinsip bahawa tanggungjawab filial adalah bersifat mengikat dan tidak boleh diketepikan atas alasan peribadi atau ekonomi.

Selain daripada aspek nafkah, mahkamah India juga mengiktiraf bahawa tanggungjawab anak terhadap ibu bapa bukan hanya berbentuk kewangan semata-mata. Dalam beberapa kes, mahkamah memerintahkan bentuk sokongan bukan kewangan seperti tempat tinggal, makanan dan penjagaan fizikal. Bahkan, pendekatan inklusif mahkamah dalam menafsir istilah "ibu bapa" juga termasuk ibu bapa angkat dan ibu tiri menunjukkan kesediaan sistem kehakiman India untuk menerima realiti struktur kekeluargaan moden seperti dalam kes *Baban*

alias Madhav Dagadu Dange 1978 (80) BOMLR 305, menunjukkan bahawa Mahkamah India mengiktiraf struktur keluarga yang lebih kompleks.

Kes-kes mahkamah lain turut menegaskan prinsip bahawa sejarah silam tidak boleh dijadikan alasan untuk menolak tanggungjawab semasa. Mahkamah telah menolak hujah anak-anak yang mendakwa bahawa mereka telah didera atau diabaikan oleh ibu bapa semasa kecil sebagai alasan untuk tidak memberikan nafkah. Prinsip undang-undang dalam konteks ini ditegaskan dengan berpaksikan keperluan semasa dan realiti warga emas yang hidup dalam kesusahan.

Secara keseluruhannya, pendekatan undang-undang India dalam menangani isu tanggungjawab filial adalah menyeluruh dan bersifat reformis. Sistem yang terdiri dari peruntukan yang mengikat, tribunal khusus dan pelbagai bentuk sokongan ini, bukan sahaja bertujuan memberikan nafkah, tetapi juga memperkukuh kesejahteraan dan hak warga emas secara holistik. Ia memberikan gambaran bahawa sistem undang-undang mampu berperanan sebagai pelindung kepada nilai kekeluargaan dalam masyarakat moden.

PERBINCANGAN

Model Serta Mekanisme Yang Boleh Dilaksanakan Berdasarkan Analisis Perlindungan Tanggungjawab Filial Negara Singapura Serta India

Model perundangan Singapura dan India berkenaan tanggungjawab filial memperlihatkan dua pendekatan berbeza yang saling melengkapi yang mana satu menekankan penyelesaian secara administratif dan pragmatik, manakala satu lagi lebih menekankan ketetapan legislatif dan penguatkuasaan kehakiman. Kedua-duanya menyediakan asas kukuh yang boleh diteladani oleh Malaysia dalam menggubal undang-undang bagi memastikan kebajikan warga emas dilindungi secara menyeluruh dan berkesan.

Singapura melalui Maintenance of Parents Act yang mula berkuat kuasa pada 1996 menunjukkan pendekatan yang praktikal dan mesra pengguna. Sistem ini memberi ruang kepada ibu bapa berumur 60 tahun ke atas yang tidak mampu menyara diri untuk menuntut nafkah daripada anak-anak dewasa mereka. Ciri utama model Singapura ialah penubuhan *Tribunal for the Maintenance of Parents* dan pelaksanaan rundingan wajib sebelum

perbicaraan formal dijalankan. Tribunal ini bukan sahaja mendengar kes tetapi turut memutuskan bentuk pelaksanaan tanggungjawab filial yang perlu diberi kepada ibu bapa sama ada dalam bentuk wang tunai, tempat tinggal, atau bantuan bukan kewangan seperti makanan dan jagaan. Tribunal juga mempunyai kuasa perundangan penuh, menjadikannya suatu entiti separa kehakiman yang berkesan tetapi tidak membebankan sistem mahkamah sivil.

Apa yang menarik, undang-undang Singapura juga mengiktiraf bahawa tidak semua ibu bapa layak secara automatik untuk menuntut nafkah. Tribunal dalam kes tertentu, boleh menolak tuntutan apabila pemohon masih mampu bekerja dan menanggung diri. Tambahan pula, pindaan tahun 2023 memperkenalkan pengecualian terhadap anak-anak yang pernah didera atau diabaikan oleh ibu bapa mereka, menunjukkan prinsip timbal balik dan keadilan diterapkan dalam kerangka filial tersebut. Pihak ketiga seperti rumah jagaan atau hospital juga dibenarkan menuntut bayaran balik, menjadikan akta ini benar-benar mencakupi keperluan situasi keluarga yang pelbagai.

Sebaliknya, India memilih pendekatan legislatif yang lebih tegas dan meluas. Melalui The Maintenance and Welfare of Parents and Senior Citizens Act 2007, India bukan sahaja memberi hak kepada ibu bapa tetapi juga memperuntukkan peranan khas kepada Maintenance Tribunal yang diwujudkan di seluruh negara India. Di bawah akta ini, anak-anak yang tidak menyara ibu bapa mereka boleh diperintahkan membayar nafkah bulanan sehingga Rs10,000. Tribunal juga boleh memutuskan bentuk sokongan bukan kewangan, termasuk perumahan dan penjagaan harian. Tambahan kepada Akta ini ialah Seksyen 125 Criminal Procedure Code (CrPC) yang sudah lama wujud, memperkukuh tanggungjawab filial sebagai satu kewajipan undang-undang yang boleh dikuatkuasakan tanpa mengira agama atau jantina.

India juga memaparkan kesungguhan dalam mengiktiraf kepelbagaian struktur keluarga. Tafsiran “ibu bapa” dalam undang-undang India merangkumi ibu tiri dan ibu angkat, dan tanggungjawab anak perempuan turut diiktiraf walaupun selepas perkahwinan. Mahkamah India juga telah memutuskan bahawa sejarah silam seperti pengabaian atau konflik tidak menghapuskan tanggungjawab anak terhadap ibu bapa jika ibu bapa benar-benar dalam keadaan tidak mampu.

Dari sudut keberkesanan, model Singapura lebih terarah kepada penyelesaian bersama dan bersifat pencegahan awal, manakala model India menunjukkan kekuatan dari segi perlindungan menyeluruh melalui pelbagai peruntukkan undang-undang. Singapura lebih sesuai untuk masyarakat moden yang kompleks tetapi masih mengekalkan keharmonian keluarga sebagai prinsip utama. Sebaliknya, model India membina landasan legislatif yang kukuh untuk mendidik masyarakat tentang tanggungjawab sosial yang tidak boleh dikompromi.

Cadangan reformasi bagi perundangan Malaysia berkaitan tanggungjawab filial adalah wajar untuk kita pertimbangkan pendekatan hibrid antara kedua-dua model ini. Malaysia perlu menggubal sebuah akta khas yang menggabungkan kelebihan kedua-dua sistem namun disesuaikan dengan struktur masyarakat, kepelbagaian agama dan sistem dwiperundangan yang wujud (Sabirin et al. 2024). Cadangan utama ialah penggubalan satu undang-undang persekutuan, seperti Akta Tanggungjawab Filial terhadap Ibu Bapa, yang memperuntukkan bahawa ibu bapa yang telah lanjut usia dan tidak berkemampuan boleh menuntut pelaksanaan tanggungjawab filial daripada anak-anak dewasa mereka. Akta ini boleh mewujudkan tribunal khas yang berperanan mendengar dan memutuskan tuntutan, di samping memperkenalkan mekanisme rundingan dan kaunseling anak bersama ibu bapa yang wajib dijalankan sebelum sebarang perintah tribunal dikeluarkan.

Malaysia juga harus mengambil kira konteks pluralistik dan sensitiviti agama dalam menggubal akta ini, memastikan ia bersifat inklusif dan berlandaskan prinsip مقاصد الشريعة (Maqasid Syariah) bagi Muslim serta nilai universal bagi bukan Muslim. Tribunal yang dicadangkan hendaklah berada di bawah seliaan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, dengan penglibatan Jabatan Kebajikan Masyarakat, kaunselor dan badan bukan kerajaan yang berkaitan.

Pengukuhan tanggungjawab filial dalam konteks masyarakat Islam juga perlu dilakukan melalui pindaan Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri. Pindaan tersebut harus memasukkan definisi jelas tanggungjawab filial yang merangkumi bukan sahaja sokongan kewangan, tetapi juga aspek tempat tinggal, penjagaan fizikal dan sokongan emosi. Selain itu, takrif “orang yang bertanggungjawab” dalam pelaksanaan tanggungjawab filial perlu ditetapkan berdasarkan keutamaan syarak, dan

tidak hanya bergantung kepada kemampuan semata-mata.

Prosedur tuntutan di Mahkamah Syariah juga perlu dipermudahkan agar lebih mesra warga emas, dengan meletakkan mekanisme penguatkuasaan seperti perintah potongan gaji atau penalti terhadap anak yang enggan melaksanakan tanggungjawab mereka. Penting juga untuk diadakan peruntukan yang membolehkan Mahkamah Syariah mengambil kira sejarah penderaan atau pengabaian lampau dalam menilai kesesuaian tuntutan seperti apa yang telah dilaksanakan oleh Tribunal khas di Singapura.

Pelaksanaan tanggungjawab filial di luar kerangka perundangan perlu disokong oleh pendekatan sosial dan pendidikan yang menyeluruh. Pendidikan nilai filial hendaklah dimasukkan dalam sistem pendidikan negara. Kementerian Pendidikan boleh melaksanakan program kesedaran berfokuskan hormat terhadap orang tua dan peranan anak dalam menjamin kesejahteraan ibu bapa. Media massa dan NGO juga perlu memainkan peranan dalam mengarusperdanakan wacana tanggungjawab filial melalui kempen awam dan naratif positif. Selain itu, dasar sedia ada seperti Dasar Warga Emas Negara dan Pelan Tindakan Warga Emas wajar dikemaskini dengan pendekatan yang lebih menuntut keterlibatan anak-anak secara langsung, bukannya menyerahkan sepenuhnya tanggungjawab kepada kerajaan (Rahim. F, 2024).

Tambahan pula, cadangan penubuhan akta khusus seperti model Singapura akan memberi kesan psikologi dan undang-undang yang signifikan. Ia menghantar mesej bahawa pelaksanaan tanggungjawab filial bukan sekadar amalan moral atau adat semata-mata, tetapi satu tanggungjawab sosial yang diiktiraf dan dikuatkuasakan oleh negara. Penggubalan undang-undang ini akan membina budaya tanggungjawab intergenerasi yang lestari dan berkesan dalam menghadapi cabaran penuaan populasi dalam jangka masa panjang.

Secara keseluruhan, dengan mengambil inspirasi daripada model Singapura dan India, Malaysia boleh membentuk satu sistem yang bukan sahaja sah di sisi undang-undang tetapi juga berfungsi dalam realiti kehidupan seharian rakyat. Gabungan antara mekanisme tribunal yang fleksibel, penguatkuasaan undang-undang yang jelas, reformasi undang-undang Syariah, serta pendidikan nilai filial secara sistematik akan menghasilkan model yang bukan sahaja sesuai, tetapi juga inklusif dan adil dalam konteks

masyarakat Malaysia. Dengan itu, hak warga emas dapat dijamin bukan sekadar dalam wacana moral, tetapi diangkat dalam bentuk hak yang dilindungi undang-undang negara.

KESIMPULAN

Kajian ini telah membuktikan bahawa tanggungjawab filial merupakan satu prinsip sosial dan moral yang penting dalam masyarakat Malaysia, namun belum digubal secara kukuh dalam kerangka perundangan persekutuan. Walaupun nilai ini telah lama mendarah daging dalam budaya, agama, dan norma masyarakat, cabaran moden seperti penuaan populasi, kos hidup yang tinggi, dan perubahan struktur keluarga telah mendedahkan kelemahan tanggapan bahawa norma moral semata-mata mencukupi untuk menjamin kebajikan warga emas.

Analisis terhadap sistem perundangan Singapura dan India membuktikan bahawa penggubalan undang-undang filial secara khusus bukan sahaja dapat mengisi jurang perlindungan yang wujud, tetapi juga berfungsi sebagai alat pendidikan sosial yang membentuk tanggungjawab intergenerasi. Singapura menonjol melalui mekanisme tribunal mesra pengguna dengan keutamaan penyelesaian rundingan, manakala India menunjukkan kekuatan dari segi peruntukan legislatif yang mengikat, inklusif, dan tidak terbatas kepada bentuk bantuan kewangan semata-mata.

Gabungan pendekatan kedua-dua negara dapat melahirkan satu model hibrid yang lebih responsif terhadap keperluan dan realiti masyarakat pelbagai kaum serta dwi-sistem undang-undang sivil dan Syariah dalam konteks Malaysia. Cadangan penggubalan Akta Tanggungjawab Filial terhadap Ibu Bapa di peringkat persekutuan dan pindaan terhadap Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam negeri-negeri dapat dilihat sebagai langkah progresif dan wajar. Di samping itu, langkah bukan perundangan seperti pendidikan nilai filial dalam sistem pendidikan, kempen kesedaran sosial, serta pengukuhan dasar warga emas sedia ada akan mengukuhkan kesedaran kolektif bahawa menjaga ibu bapa tua adalah tanggungjawab bersama antara individu, keluarga, dan negara.

Maka, kajian ini menyimpulkan bahawa tanggungjawab filial perlu diperkasa bukan hanya sebagai idealisme moral, tetapi sebagai satu kewajipan undang-undang yang realistik dan

menyeluruh. Demi memastikan hak dan kesejahteraan warga emas terus terbela, adalah menjadi tanggungjawab negara untuk mengorak langkah ke hadapan dengan menggubal dasar dan undang-undang yang meletakkan mereka di tempat yang sepatutnya, dihormati, dilindungi, dan tidak dilupakan.

RUJUKAN

- Akta Membaharui Undang-Undang (Perkahwinan dan Perceraian) 1976.
- Akta Perempuan Bersedu dan Anak-Anak (Nafkah) Akta 1970.
- AR v. JT & 6 others [1997] SGMP (Tribunal for the Maintenance of Parents).
- Astro Awani. 2024. KKM lancar pelan tindakan perkhidmatan kesihatan warga emas, dementia. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/kkm-lancar-pelan-tindakan-perkhidmatan-kesihatan-warga-emas-dementia-489978>. Retrieved on: 7 July 2025.
- Baban alias Madhav Dagadu Dange 1978 (80) BOMLR 305.
- Bedford, O. & Yeh, K. 2021. Evolution of the conceptualization of filial piety in the global context: From skin to skeleton. *Frontiers in Psychology*, 12.
- Chong, H. H. & Chai, K. H. 2017. The impact of modernity on filial piety in Malaysia. *Asian Journal of Social Psychology*, 20(2), 152–161.
- Cicirelli, V. G. 1988. A measure of filial anxiety regarding anticipated care of elderly parents. *The Gerontologist*, 28, 478–482.
- Dai, Y. T. & Dimond, M. F. 1998. Filial piety. *Journal of Gerontological Nursing*, 24(3), 13–18.
- Dr. Mrs. Vijaya Manohar Arbat v. Kashirao Rajaram Sawai & Another [AIR 1987 SC 1100].
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Kelantan) 2002.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Sembilan) 2003.
- Finley, N. J., Roberts, M. D. & Banahan, B. F. 1988. Motivations and inhibitors of attitudes of filial obligations towards aging parents. *The Gerontologist*, 28, 73–78.
- Heaton, J. 1999. The gaze and visibility of the carer: A Foucauldian analysis of the discourses of informal care. *Sociology of Health and Illness*, 21, 759–777.
- Hwang, K. K. 2002. Filial piety and loyalty: Two types of social identification in Confucianism. *Asian Journal of Social Psychology*, 5, 211–222.
- Issac, T. G., Ramesh, A., Reddy, S. S., Sivakumar, P. T., Kumar, C. N. & Math, S. B. 2021. Maintenance and Welfare of Parents and Senior Citizens Act 2007: A Critical Appraisal. *Indian Journal of Psychological Medicine*, 43(5_suppl), S107–S112.
- Kanun Tatacara Jenayah (Criminal Procedure Code) 1973.
- Kassim Bin Othman & Anor v Raja Suzana Binti Raja Kassim & Anor [2010] 30 JH 299.
- Khalil Ahmad v Kamal Khalif [2004] CLJ (Sy) 451.
- KLH KLH v KSW & 4 Others (12 September 1996) Tribunal for the Maintenance of Parents.
- Maintenance and Welfare of Parents and Senior Citizens Act 2007.
- Maintenance of Parents Act 1995.
- Malaya Newsroom - Free Press, Bold Stories. 2025. Malaysia sebuah negara berpenduduk tua pada 2030. <https://malayanewsroom.com/05/05/2025/malaysia->

- sebuah-negara-berpenduduk-tua-pada-2030/. Retrieved on: 7 July 2025.
- National Library Board Singapore. 2023. Maintenance of Parents Act. <https://www.nlb.gov.sg/main/article-detail?cmsuuid=d2328927-c580-4088-8d74-268caaff635b&utm>. Retrieved on: 7 July 2025.
- Nellie Ismail, Tan, Jo-Pei, & Rahimah Ibrahim. 2009. The relationship between parental belief on filial piety and child psychosocial adjustment among Malay families. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 17(2).
- Nik Norliati Fitri Md Nor, & Suriati Ghazali. 2022. Supporting the elderly: The Kenang Budi concept within the Malay society in Malaysia. *Pertanika Journal of Social Sciences & Humanities*, 30(4), 1881–1883.
- Rajesh Kumar Srivastava v State of UP & Others [2017 SCC 479].
- Rozario, P. A. & Hong, S. 2011. Doing it 'right' by your parents in Singapore: A political economy examination of the Maintenance of Parents Act of 1995. *Critical Social Policy*, 31(4), 607–627.
- Rozario, P. 2011. 'He was your father, he raised you': Examining helping professionals' narratives on filial piety in Singapore. *Qualitative Social Work*, 11(6), 661–676.
- Sabirin, N. A. M., Shariff, A. A. M. & Yahya, M. A. 2024. Penggubalan Undang-undang Jenayah Syariah di Malaysia: Analisis ke atas Kekaburan Bidang Kuasa Parlimen dan Dewan Undangan Negeri. Akademika.
- Sarvarubini Nainee, & Tan, Soon Aun. 2016. Role of reciprocal filial piety in the relationship between parental involvement and filial behavior among Malaysian adolescents. *Journal of Techno Social*, 8(2).
- The Maintenance and Welfare of Parents and Senior Citizens Act 2007 (MWPSA Act 2007).
- TKH v LAC, LHS, LAK dan LTS (Tribunal for the Maintenance of Parents, 31 July 1997).
- UNDP. 2023. Caring for elders: Are (you)ths ready? <https://www.undp.org/malaysia/blog/caring-elders-are-youths-ready>. Retrieved on: 7 July 2025.
- Wendy Yee Mei Tien, Maya Khemlani David & Ponmalar Arumugam. 2021. Filial responsibility among Malaysian youth towards elderly parents. UM Research Repository.
- Jahangir, S., Patil, D. S., Gangopadhyay, J., & Vogt, T. C. 2025. Understanding intergenerational dynamics and social support's impact on health and well-being of older adults in South [Asia].